

30/11/2003

Dr Mahathir sahkan terima tawaran sebagai Penasihat Petronas

ROME: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengesahkan menerima tawaran sebagai Penasihat Petronas.

"Ya, saya menerima tawaran itu. Saya sudah memaklukkannya kepada mereka (Petronas)," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri majlis makan malam di kediaman Duta Malaysia ke Itali, Datuk Lily Zachariah di Villa Mandorli, Via Lucio Volumnio, Al Quatro Miglio di sini, malam kelmarin.

Dr Mahathir berkata, beliau turut bersetuju menjadi penasihat kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Lembaga Pembangunan Tioman (TDA).

Sebelum ini, laporan memetik Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, sebagai berkata Dr Mahathir menerima pelantikan sebagai Penasihat Petronas baru-baru ini.

Azizan berkata, pelantikan bekas Perdana Menteri itu adalah bertepatan kerana Dr Mahathir banyak memberi pandangan dan cadangan ketika menjadi Perdana Menteri hingga membolehkan Petronas menjadi syarikat petroleum antarabangsa.

Dr Mahathir berada di sini bagi menyampaikan syarahan Peringatan McDougall pada pembukaan Persidangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) sesi ke-32 di sini, semalam.

Beliau diiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Pasangan itu berlepas ke London petang semalam bagi lawatan peribadi.

Persidangan FAO itu ialah pertemuan antarabangsa kedua yang dihadiri Dr Mahathir sejak persaraannya. Sebelum ini, beliau menghadiri Forum Globalisasi 2003 di Okinawa, Jepun, pada 11 November lalu.